Musim Panas ini, Nikmati Kehidupan Diraja India bersama Taj Hotels

MUMBAI, India, Mei/PRNewswire/ -- Inilah peluang bagi anda menikmati antara istana paling menakjubkan di India. Dipulihkan dengan teliti dan diuruskan oleh Taj Group, hotel-hotel istana ini yang memenangi anugerah menawarkan pengalaman mewah paling eksklusif. Para pelanggan boleh memilih daripada pelbagai pakej Percutian Taj di bawah tema Royal Retreats, Royal Spa, Royal Honeymoon ataupun Incredible Escapes yang berasaskan kepada aturcara, dengan kadar penginapan bermula daripada lebih kurang US$200 semalam seorang, pada dasar dua orang sebilik.

Untuk Menyaksikan Siaran Akhbar Multimedia, sila klik:
http://www.multivu.com/mnr/53818-royal-palace-life-with-taj-hotels

Antara istana paling silam adalah, Taj Lake Palace, Udaipur, yang berada di atas sebuah pulau kecil di tengah-tengah Tasik Pichola. Bersama pemandangan indah panorama air, setiap daripada sut adalah berbeza menampilkan mood berlainan merentasi tempoh-tempoh berlainan sejarah. Hotel ini juga memiliki sebuah bot Jiva Spa yang menawarkan pelbagai rawatan hasil inspirasi perubatan tradisional India bagi kesejahteraan tubuh selain rahsia kecantikan.

Berada di ibu negeri Rajasthan, Rambagh Palace, merupakan bekas kediaman Raja Jaipur. Jalanlah dari bilik ke bilik untuk menikmati tekstur yang kaya, perabot mewah dan objek hiasan yang cantik. Langkah keluar ke taman hiasan yang luas disusun negikut simerti yang bijak. Tidur di bilik-bilik yang pernah menjadi kamar di mana raja-raja, putera-puteri dan tetamu mereka beradu. Rambagh Palace menampilkan citarasa penuh sejarah dan merupakan sebuah satu senibina hebat merentsi masa.

Terletak pada kedudukan tinggi di bandaraya Jodhpur, Umaid Bhawan Palace merupakan istana hebat terakhir di India. Dinamakan bersempeana Maharaja Umaid Singh, monumen batu pasir kuning keemasan ini diilhamkan pada skala paling mewah yang mungkin, dalam Gaya Art Deco yang merupakan trend pada masa itu. Selepas pembinaan selama 15 tahun, istana dengan 347 bilik itu akhirnya siap pada 1943 dan berperanan sebagai kediaman utama keluarga diraja Jodhpur sejak itu.

Falaknuma Palace juga dikenali sebagai 'cermin atas langit' kerana pada ketinggian 2000 kaki, ia dibina atas awan dan membayangkan mood langit yang sentiasa berubah. Terletak di kawasan seluas 32 ekar dengan keluasan binaan 19400 meter persegi ia menunjukkan kehidupan mewah dan masyhur keluarga diraja Nizam di Hyderabad. Taj Hospitality kini mewujudkan semula satu pengalaman yang hanya boleh disifatkan sebagai sengaja mewah.

Bagi tempahan, e-mel reservations@tajhotels.com, panggilan dari Amerika Syarikat & Kanada - 1-866-969-1-825, negara-negara lain 00-800-4-588-1-825 atau log pada http://www.tajhotels.com

Mengenai Taj Hotels Resorts and Palaces

Diasaskan pada 1901, Taj Hotels Resorts and Palaces merupakan antara kumpulan perhotelan terbesar dan terbaik di Asia, terdiri daripada 96 hotel di 55 lokasi merentasi India bersama tambahan 16 hotel antarabangsa di Maldives, Malaysia, Australia, UK, USA, Bhutan, Sri Lanka, Afrika dan Asia Barat. Daripada tanda tempat terkemuka dunia hingga kepada hotel-hotel perniagaan moden, resort percutian mempersona hingga istana-istana mewah, setiap hotel Taj menawarkan satu gabungan kemesraan India, khidmat bertaraf dunia dan kemewahan moden yang sukar ditandingi. Taj Hotels Resorts and Palaces merupakan sebahagian daripada Tata Group, kumpulan syarikat perniagaan terkemula di India.